

## **BAB 1**

### **SEJARAH PENULISAN MANUSKRIP MELAYU**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Penulisan manuskrip Melayu sebenarnya mempunyai kaitan yang rapat dengan sejarah bahasa Melayu. Hasil kajian awal terhadap bahasa Melayu mendapati bahawa ia telah digunakan secara meluas sejak zaman Hindu dan Buddha lagi. Ia digunakan sebagai bahasa pengajaran di pusat-pusat pengajian Buddha di Srivijaya untuk mengajar bahasa Sanskrit dan falsafah. Walau bagaimanapun, penggunaannya pada waktu itu terbatas disebabkan monopoli oleh bahasa Sanskrit dan bahasa Jawa Kuno. Tambahan pula, tidak ditemui sebarang peninggalan yang menerangkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kesusasteraan ketika itu. Namun, kegiatan penulisan dalam bahasa Melayu mulai berkembang dengan pesat setelah kedatangan Islam ke alam Melayu.<sup>38</sup>

#### **1.1 TRADISI PENULISAN MANUSKRIP DI ALAM MELAYU**

Islam datang ke alam Melayu pada abad ke-13 Masihi dan telah berjaya melenyapkan pengaruh agama Hindu dan Buddha yang menguasai masyarakat alam Melayu menjelang abad ke-15 Masihi. Islam telah mengubah banyak aspek kehidupan masyarakat alam Melayu yang kaya adat resamnya. Kemudiannya, sesuai dengan sifat universal dan menyeluruh yang dimilikinya, Islam telah membawa

---

<sup>38</sup>Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu dan Islam*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 34-35.

pengaruh yang amat berkesan dalam pembentukan bahasa dan kesusasteraan Melayu terutamanya dalam usaha menyebarkan fahaman Islam melalui bahasa serta penulisan.

Setelah pertapakannya, Islam diterima secara meluas oleh masyarakat alam Melayu dan bahasa Arab mula digunakan oleh masyarakat Melayu sebagai sistem tulisan mereka. Kemudian, perlahan-lahan bahasa Melayu yang menggunakan huruf Jawi dibentuk setelah menguasai bahasa Arab.<sup>39</sup> Perkataan Jawi ini adalah kata sifat yang membawa erti ‘Orang Jawa’ atau berasal dari ‘Tanah Jawa’. Oleh itu, orang Arab memberi gelaran kepada orang Melayu dan orang Jawa dengan bangsa Jawi dan tulisan Melayu yang menggunakan huruf Arab itu disebut sebagai tulisan Jawi. Tambahan pula tulisan tersebut dibentuk dengan menggabungkan huruf-huruf Arab dengan huruf-huruf baru yang direka seperti huruf *ca* (چ), *nga* (غ), *pa* (ف), *ga* (ك) dan *nya* (ن).<sup>40</sup> Ia diperkenalkan bukan sahaja bagi membolehkan masyarakat untuk membaca al-Qur’ān, malah bertujuan untuk menelaah kitab dalam pelbagai bidang ilmu. Justeru, melalui tulisan Jawi ulama-ulama tempatan mula menghasilkan pelbagai manuskrip bagi merakamkan buah fikiran mereka.<sup>41</sup>

Dalam menghasilkan manuskrip, mereka sering kali mencatatkan sebab penulisan atau pentalinan berkenaan dilakukan. Antaranya disebabkan perintah

---

<sup>39</sup>Adi Haji Taha *et al.* (2006), *Manifestasi Tulisan Jawi*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, h. 30.

<sup>40</sup>Harun Jaafar (2004), *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 24, Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani (2002), *op.cit.*, h. 16 dan Ismail Hamid (1985), *op. cit.*, h. 36.

<sup>41</sup>Harun Mat Piah *et al.* (2000), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37&38.

pembesar, contohnya pengarang *Tuḥfah al-Rāghibīn fī Bayān Ḥaqīqat Īmān al-Mukminīn*, Muhammad Arsyad bin ‘Abd al-Allāh al-Banjari mencatatkan:

“...dan telah menuntut daripada aku oleh seorang laki-laki yang tiada boleh daku menyalahi daripada setengah orang besar-besar pada masa itu...”<sup>42</sup>

Manakala Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī dalam kitab *Ṣirāṭ al-Mustaqīm* mencatatkan bahawa beliau diminta oleh orang besar-besar:

“...Sesungguhnya telah meminta padaku setengah daripada orang besar-besar daripada sahabatku pada menghimpunkan suatu kitab pada menyatakan ilmu fikah...”<sup>43</sup>

Ia juga ditulis dan disalin untuk dibaca sebagai alat hiburan dalam kalangan penghuni istana, bangsawan serta rakyat jelata. Bagi rakyat jelata, terdapat tukang baca yang akan membacakan manuskrip dengan nada yang bersesuaian seolah-olah melakonkan cerita. Malah, ia juga dijadikan sebagai alat rujukan bagi para istana, bangsawan serta ulama.<sup>44</sup> Adapun manuskrip bercorak Islam diperkenalkan untuk membantu masyarakat membentuk akhlak mulia seperti mana yang terdapat pada para *anbiyā’* dan orang soleh seperti sifat keberanian, keikhlasan, kejujuran dan sebagainya.<sup>45</sup> Ia juga dikembangkan untuk menyebarkan ajaran Islam seperti mana yang terdapat dalam *Kitāb Durr al-Farā’id bi Sharḥ al-‘Aqā’id* di mana pengarangnya mencatatkan:

---

<sup>42</sup>Rujuk Manuskrip *Tuḥfah al-Rāghibīn*, PMM-PNM, MSS 3786, h.1.

<sup>43</sup>Manuskrip *Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, PMM-PNM, MSS 3563, h.4.

<sup>44</sup>*Katalog Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa* (1995), Selangor: Malindo Printers Sdn. Bhd., h. 3.

<sup>45</sup>Ali Ahmad (1992), “Sastera Melayu dan Pembinaan Akhlak” (Simposium Serantau Sastera Islam di Universiti Brunei Dār al-Salam, 16-18 November 1992), h. 6.

“...maka dipindahkan faqir daripada bahasa Arab kepada bahasa Jawi supaya mudah pada segala orang yang tiada tahu bahasa Arab kepadanya...”<sup>46</sup>

Menyentuh tentang bilakah bermulanya penulisan manuskrip Melayu, sehingga kini masih belum ada catatan tepat mengenainya. Ini kerana kebanyakan manuskrip yang ditemui tanpa tarikh dan nama pengarang. Ada pendapat yang mengatakan bahawa penulisan manuskrip Melayu berkembang pada abad ke-15 dan mencapai kemuncaknya pada abad ke-17. Jika ini diambil kira, maka andaian bahawa bermulanya penulisan manuskrip Melayu adalah beberapa abad sebelum itu, paling tidak pun pada abad ke-9. Pendapat ini bersandarkan kepada bukti bahawa pada abad itu sudah muncul kerajaan Islam di Perlak yang terletak di utara Sumatera.<sup>47</sup>

Walaupun tidak semua manuskrip yang ditemui tidak dicatat tarikh, namun ada juga yang dicatat tarikhnya. Maka berdasarkan catatan inilah para pengkaji membuat andaian manakah antara manuskrip yang ditemui adalah manuskrip yang tertua. Manuskrip Melayu tertua yang ditemui setakat ini bertarikh 998 H / 1590 M juga menggunakan tulisan Jawi. Manuskrip ini merupakan satu terjemahan daripada kitab agama Islam *‘Aqā’id al-Nasafī*.<sup>48</sup>

Menurut Zuber Usman, penulisan terawal dilakukan dalam bahasa Melayu adalah dalam bentuk tulisan kitab agama atau risalah agama di mana pada permulaannya ia berkisarkan perkara asas agama Islam seperti syahadah, solat, puasa, zakat dan rukun haji. Namun setelah masyarakat Islam memahami perkara

---

<sup>46</sup>Rujuk Manuskrip *Kitāb Durr al-Farā’id bi Sharḥ al-‘Aqā’id*, PMM-PNM, MSS 3861(A), h.2.

<sup>47</sup>Mahayudin Yahaya (2000), *Karya Klasik Melayu-Islam*, Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2-6.

<sup>48</sup>Muhani Hj. Abd. Ghani (1988), *Teman Pelajar Jawi*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 2.

asas agama, maka mereka memerlukan penulisan yang lebih mendalam dalam bidang agama. Lalu muncullah tulisan-tulisan lain seperti dalam bidang *feqah*, *tafsir*, *ḥadīth*, *ilmu kalam*, *falsafah*, *taṣawwuf* dan sebagainya.<sup>49</sup> Antara manuskrip yang menyentuh ilmu *feqah* atau ibadah seperti *Bughyah al-Ṭullāb*<sup>50</sup> dan *Ṣirāṭ al-Mustaqīm*<sup>51</sup> karya Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī dan *Sabīl al-Muhtadīn li al-Tafaqquh fī Amar al-Dīn*<sup>52</sup> karya Shaykh Muhammad Arsyad bin ‘Abd Allāh al-Banjari. Tiga buah manuskrip ini merupakan kitab Jawi besar yang terlengkap dalam perkara ibadah di alam Melayu. Selain itu kitab *Munyah al-Muṣalli*<sup>53</sup> adalah kitab yang paling banyak digunakan untuk menerangkan bab solat di seluruh Asia Tenggara.<sup>54</sup> Antara

<sup>49</sup>Zuber Usman (1963), *Kesusasteraan Lama Indonesia*, c. 4, Djakarta: Gunung Agung, h. 17-20.

<sup>50</sup>Kandungan kitab ini menerangkan bab jenazah, zakat, puasa, iktikaf, haji, umrah dan sebagainya. Ia adalah penyambung dan pelengkap kepada dua karya utama iaitu *Ṣirāṭ al-Mustaqīm* karya Nūr al-Dīn al-Rānirī dan *Sabīl al-Muhtadīn* karya Shaykh Muhammad Arsyad al-Banjari. Pada bahagian mukadimah, Shaykh Daud al-Fatānī mencantumkan beberapa ḥadīth tentang ilmu pengetahuan dan sejarah ringkas Imam Shāfi‘ī. Kitab ini telah banyak kali dicetak di Mekah, Mesir dan Turki pada masa dahulu dengan diusahakan oleh Shaykh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatānī dan kemudian diteruskan oleh ahli waris iaitu Shaykh ‘Abd al-Allāh Daud al-Fatānī, Shaykh Muhammad Daud al-Fatānī dan Shaykh Nur Daud al-Fatānī. Rujuk Fauzi Deraman (1997), “Kedudukan Ḥadīth dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Shaykh Daud bin ‘Abd al-Allāh Al-Fatānī” (Tesis Ph.D, Jabatan Al-Qur’an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 253-254, 389-390.

<sup>51</sup>Kitab *Ṣirāṭ al-Mustaqīm* dikarang oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī sebelum beliau menetap di Aceh pada tahun 1044H/ 1634M dan selesai pada tahun 1054H/ 1644M iaitu tahun beliau berangkat meninggalkan Aceh menuju negara asalnya Rāniri, India. Kitab ini merupakan kitab Feqah bahasa Melayu yang pertama dikarang di Nusantara. Ia hanya membicarakan hukum-hakam berkaitan perkara ibadah dalam mazhab Shāfi‘ī. Ini disebabkan untuk memenuhi keperluan orang ramai dalam mempelajari dan memahami hal berkaitan ibadah dan kemungkinan pengarang mengikut metodologi penulisan ulama Shāfi‘ī yang hanya menumpukan bahagian ibadah sahaja. Rujuk *Ṣirāṭ al-Mustaqīm* PMM-PNM, MSS 3563, Jamalluddin Hashim & Abdul Karim Ali (2009), “Metode Penulisan Fiqh oleh Nūr al-Dīn al-Rānirī dalam Kitab *Ṣirāṭ al-Mustaqīm*”, *Jurnal Syariah*, Bil. 17, h. 268 dan 292 dan Mohd Muhiden Abd Rahman (2006), *Riwayat Hidup Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī dan Sumbangannya kepada Pengajian Ḥadīth*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 23.

<sup>52</sup>Manuskrip *Sabīl al-Muhtadīn li al-Tafaqquh fī Amar al-Dīn* PMM-PNM, MSS 2648. Kitab ini ditulis oleh Shaykh Muhammad Arsyad bin ‘Abd Allāh al-Banjari pada tahun 1193H/ 1779M atas perintah Sultan Tahmīd al-Allāh bin Sultan Tamjīd al-Allāh. Kandungan kitab ini memperkatakan tentang ilmu feqah imam Shāfi‘ī secara terperinci dalam bab solat dan *tahārah*. Rujuk *Katalog Manuskrip Negara*, Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Kedua, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 38&39.

<sup>53</sup>Manuskrip *Munyah al-Muṣalli* PMM-PNM, MSS 3058. Kitab ini adalah karangan Shaykh Daud al-Fatānī yang selesai diterjemah pada waktu Duḥā hari Selasa 15 Zulhijjah 1242H/ 9 Julai 1827M. Kandungan kitab ini memperkatakan tentang solat lima waktu, solat-solat sunat, cara mengerjakannya, syarat-syarat serta rukun-rukunnya secara terperinci. Rujuk *Katalog Manuskrip Negara*, Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Keempat, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 31.

<sup>54</sup>Wan Mohd Saghir (1990), “Shaykh Daud b. ‘Abd al-Allāh al-Fatānī: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara”, Shah Alam : Penerbitan Hizbi, h. 78.

kandungan kitab ini, ia menerangkan rukun solat, sunat-sunat solat, perkara yang makruh dalam solat, solat jemaah dan sebagainya.<sup>55</sup> Kitab ini mempunyai salinan yang banyak sebelum ia diterbitkan. Ia juga diterbitkan bersama dengan kitab *al-Bahjah al-Marḍiyyah* yang membicarakan tentang tatacara seseorang makmum mengikut imam dalam solat berjemaah meliputi perkara *muwāfiq* dan *masbūq*.<sup>56</sup>

Adapun manuskrip berkaitan *tafsir*, antaranya *Tafsīr al-Qurʾān Surah al-Māʾūn* yang ditulis oleh Abdul Manaf Husin.<sup>57</sup> Tafsir ini selesai ditulis pada hari Selasa, 18 Syawal 1420 H/ 25 Januari 2000 M mengikut aliran falsafah Imam Shah Walī Allāh al-Dihlawī. Ia mengandungi 30 halaman yang menceritakan kandungan surah al-Māʾūn, iaitu sifat-sifat orang yang mendustakan agama dan hari pembalasan di dunia dan akhirat.<sup>58</sup>

Selain itu, terdapat juga himpunan manuskrip *Kuliah Pengajian Al-Qurʾān* oleh Haji Nik Muhammad Salleh b. Hj Wan Musa<sup>59</sup> yang dijilidkan bersama makalah

---

<sup>55</sup>Manuskrip *Munyah al-Muṣallī* PMM-PNM, MSS 3058.

<sup>56</sup>Wan Mohd Saghir (1990), *op. cit.*, h. 78

<sup>57</sup>Beliau ialah anak murid kepada Haji Nik Muhammad Salleh b. Hj Wan Musa. Selain menghasilkan *Tafsīr Surah al-Māʾūn*, beliau juga telah mengumpulkan nota-nota kuliah yang diajarkan oleh Ustaz Zainuddin bin Idris lalu dijilid. Himpunan nota ini dinamakan "*Tafsīr al-Qurʾān al-Hakīm*." Rujuk dan Mustaffa Abdullah (2009), *Khazanah Tafsir di Malaysia*, Pahang: Book Pro Publishing, h. 281.

<sup>58</sup>Abdul Manaf Husin (*t.t.*), *Tafsīr al-Qurʾān Surah al-Māʾūn*, t.t.p: t.p, h. 1-30.

<sup>59</sup>Beliau merupakan cucu kepada ulama tersohor kelantan iaitu Tuan Tabal, hasil pernikahan Tuan Tabal dengan anak Tok Semian iaitu Wan Thum (Kalthum). Beliau dilahirkan pada hari Selasa bertarih 4 Syaʿban tahun 1339 Hijrah dan meninggal dunia pada pagi Jumaat tanggal 3 Disember 1971 ketika berumur 51 tahun. Beliau juga dihantar ke Mekah dan sempat berguru dengan Wan Ahmad bin Muhammad Zain Mustafa al-Faṭāni dan Shaykh Hasbullah. Antara karya beliau ialah *Masalah Zakat Fitrah dan Fitrah Kanak-Kanak yang Belum Baligh, Falsafah Berumahtangga atau Tafsīr Surah al-Mujādalah, Sinaran Iʿtiqad, Rahsia Kelahiran Nabi Muhammad* dan sebagainya. Rujuk Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hasan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kota Bharu: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, h. 41 dan Ismail Awang (1988), "Mufti Haji Wan Musa (1874-1939)", dalam Ismail Che Daud (ed.), *Tokoh Ulama Semenanjung (1)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Malayu Kelantan, h. 208 & 219 dan Fadhilah Adibah binti Ismail (2010), "Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam Pengajian Al-Qurʾān: Kajian terhadap Kitab *Kuliah Pengajian Al-Qurʾān*" (Disertasi, Jabatan Al-Qurʾān dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 31-35 & 46.

beliau yang lain.<sup>60</sup> Himpunan manuskrip ini adalah kompilasi nota kuliah yang dihasilkan oleh Haji Nik Muhammad Salleh sendiri. Ia mengandungi sebanyak 41 bilangan siri *Kuliah Pengajian Al-Qur'ān*, bermula pada 13 April 1970 hingga 23 April 1971. Antara kandungan manuskrip ini adalah *Hidup manusia berkehendak kepada ajaran nabi-nabi yang diutus dari Tuhan, Pemikiran umat Islam telah dipesong oleh teori Ibn Khaldun dari ajaran al-Qur'ān, Tujuan dibangkit Nabi Muhammad dan asas pengajaran al-Qur'ān, Bagaimanakah persaudaraan Islam dibentuk oleh al-Qur'ān* dan sebagainya. Tajuk-tajuk tersebut dihuraikan menurut falsafah hidup kemanusiaan dari ajaran al-Qur'ān.<sup>61</sup>

Seterusnya manuskrip *Tafsīr Al-Qur'ān al-Ḥakīm* oleh Zainuddin bin Idris.<sup>62</sup> Tafsir ini merupakan himpunan nota-nota kuliah yang diajarkan oleh Ustaz Zainuddin bin Idris sendiri yang mengandungi surah-surah tertentu sahaja. Pada mulanya terjemahan ini dilakukan dalam tulisan Jawi, kemudian dialih tulisan kepada tulisan rumi oleh Abdul Manaf Husin. Nota-nota ini akhirnya dikumpulkan oleh Abdul Manaf Husin lalu dijilid.<sup>63</sup>

---

<sup>60</sup>Antara makalah yang dimuatkan dalam *Kuliah Pengajian Al-Qur'ān* adalah *Bagaimanakah Orang Mu'min Menghisap Dirinya Sebelum Dihisab* dan juga *Kumpulan maqalah yang menerangkan falsafah Islam di dalam tiga masalah: Loteri, Toto, Ekor wang yang diperoleh dari bank, Wang yang dibayar oleh kompeni insurans atau kemalangan*. Rujuk Nik Muhammad Salleh b. Hj Wan Musa (t.t), *Kuliah Pengajian al-Qur'ān*, Kelantan: Kota Bharu, h. 158-188.

<sup>61</sup>*Ibid.*, h. 1-157.

<sup>62</sup>Nama penuh Zainuddin bin Idris ialah Haji Zainuddin bin Idris. Beliau dikenali oleh masyarakat setempat sebagai Ustaz Din. Beliau dilahirkan pada 14 Julai 1937 di Kubang Kerian, Kelantan dan merupakan anak murid kepada Nik Muhammad Salleh b. Hj Wan Musa. Antara karya beliau selain *Tafsīr al-Qur'ān al-Ḥakīm* adalah terjemahan *Al-Muwaṭṭa'* dan *Ikhtisār Hujjatullah al-Bālighah* jilid 1. Beliau juga menghasilkan artikel bertajuk "*Kajian Terhadap Ahli Sunnah wa al-Jamaah: Satu Analisis Menurut Pandangan Dihlawī*". Rujuk Fadhilah Adibah binti Ismail (2010), *op. cit.*, h. 58 dan Mustaffa Abdullah (2009), *Ibid.*, h. 277 dan 282.

<sup>63</sup>Mustaffa Abdullah (2009), *Ibid.*, h. 281 dan 283.

Adapun manuskrip berkaitan ilmu *tawḥīd* seperti *Zuhrah al-Murīd fī Bayān Kalimah al-Tawḥīd*,<sup>64</sup> karya Shaykh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī<sup>65</sup> yang disalin oleh Shaykh ‘Abd al-Ghani bin Shaykh Muhammad al-Hilāl di Masjid al-Harām pada hari Rabu, 23 Zulhijjah 1178H/ 12 Jun 1765M.<sup>66</sup> Kitab ini mengandungi sifat dua puluh bagi Allah serta makna di sebalik perkataan syahadah. Ia juga menukilkan dalil ‘*aqlī* dan *naqlī* bersama.<sup>67</sup> Selain itu kitab *Durr al-Farā’id bi Sharḥ al-‘Aqā’id*<sup>68</sup> oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī. Kitab ini secara khususnya membincangkan asas-asas keyakinan dan metafizik umat Islam termasuk juga epistemologi, ilmu kalam dan falsafah kepimpinan yang meliputi perbincangan hakikat ilmu, alam, sifat-sifat Allah, al-Qur’ān, dosa besar, konsep iman, perkara-perkara yang menyebabkan seseorang kufur, mukjizat, para rasul, malaikat, kitab-kitab, *Mi‘rāj* Rasulullah, *karāmah*, *khilāfah*, *imāmah*, tanda-tanda kiamat, azab kubur, syurga dan neraka, kedudukan orang beriman dan sebagainya. Kebanyakan persoalan-persoalan tersebut dan hal-hal yang berkaitan dengannya dijelaskan dengan panjang lebar dan

<sup>64</sup>*Zuhrah al-Murīd fī Bayān Kalimah al-Tawḥīd*, PMM-PNM, MSS 3360(A).

<sup>65</sup>Shaykh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī adalah seorang ulama yang terkenal dalam bidang *taṣawwuf*. Beliau mendapat pendidikan awal dari ayahnya sendiri. Antara guru beliau ialah Ibrahim al-Ra’is, Muhammad Mirdad, ‘Aṭā’ al-Miṣrī, Muhammad al-Jauhari, Muḥammad Sulaymān al-Kurdī, Shaykh ‘Abd al-Karīm al-Sammān al-Madanī (pengasas *Tarīqat Samānīyah*) dan Shaykh Ahmad Bin ‘Abd al-Mun‘im al-Damanḥurī yang berasal dari Mesir. Dalam tempoh pengajiannya, beliau mempunyai beberapa sanad ilmu merangkumi *Kutub al-Sittah*, *Musnad Imām Aḥmad*, *Muwaṭṭa’ Imām Mālik*, *Musnad al-Shāfi’ī*, *Musnad al-Dārimī*, *Sunan Dār al-Quṭni*, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* dan sebagainya. Rujuk Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1996), Shaykh ‘Abd al-Ṣamad Palembang: Ulama Sufi dan Jihad Dunia Melayu, Kuala Lumpur: Khazanah Faṭānīyah, h. 6 & 10, 33-34, 45-60 dan Martin van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning Pesantren Dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam Di Indonesia*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 63.

<sup>66</sup>Rujuk Katalog Manuskrip Melayu, Tambahan Keempat, *op. cit.*, h. 179.

<sup>67</sup>*Ibid.*, h. 179.

<sup>68</sup>Kitab *Durr al-Farā’id bi Sharḥ al-‘Aqā’id* merupakan kitab terawal al-Rānirī kerana ia selesai ditulis oleh al-Rānirī pada 1040 Hijriah bersamaan 1630 Masihi. Kitab ini juga merupakan saduran dan ulasan Nūr al-Dīn al-Rānirī terhadap buku *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafīyah* karangan Sa’d al-Dīn Mas‘ūd ibn ‘Umar al-Taftazānī. Rujuk *Durr al-Farā’id bi Sharḥ al-‘Aqā’id* PMM- PNM, MSS 3308 (A) dan Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar (2009), “Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip *Durr al-Farā’id* Karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī”, *Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu*, Jil. 2, Bil. 27, h. 122& 128.



mendalam dalam *Durr al-Farā'id* sehingga membentuk dan menggambarkan kerangka pemikiran komprehensif seorang muslim.<sup>69</sup>

Manakala kitab mengenai *taṣawwuf* pula adalah kitab *Hidāyah al-Sālikīn* karangan Shaykh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī yang selesai diterjemah pada hari Selasa 1 Muharram 1195H/ 27 Disember 1780M dan selesai disalin pada hari Jumaat, 18 Muharram 1254H/ 13 April 1838M.<sup>70</sup> Namun, ia merupakan saduran daripada karya Imam al-Ghazali bertajuk “*Bidāyah al-Hidāyah*” serta ditambah dan disusun oleh al-Falimbānī sendiri.<sup>71</sup> Antara kandungan kitab ini selain menyentuh tentang *taṣawwuf*, beliau juga menyentuh tentang akidah dan *feqah*. Namun, perbincangan mengenai *taṣawwuf* adalah perbincangan yang paling banyak dibahaskan dalam kitab beliau, *Hidāyah al-Sālikīn*. Antaranya adab-adab tertentu seperti ketika bersuci, berwuduk, tayammum, solat, adab dengan manusia, konteks pemeliharaan diri seperti *riyā’*, takabbur, marah, hasad, zuhud dan sebagainya.<sup>72</sup> Manakala tujuan beliau menulis kitab ini adalah atas dorongan untuk memberi manfaat kepada masyarakat khususnya di alam Melayu yang kurang memahami bahasa Arab.<sup>73</sup> Kitab ini sering digunakan di masjid-masjid sebagai bahan pengajaran. Menurut Mohd Shazali bin Ali yang mengkaji tentang “Karya Shaykh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī bertajuk *Hidāyah al-Sālikīn* dan Penggunaannya di Masjid-Masjid Negeri Selangor, terdapat 47 buah masjid besar di Sabak Bernam menggunakan kitab ini.<sup>74</sup>

---

<sup>69</sup>Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar (2009), *Ibid.*, h. 128.

<sup>70</sup>Rujuk Katalog Manuskrip Melayu, Tambahan Keempat, *op. cit.*, h. 76.

<sup>71</sup>Khader bin Ahmad (2007), “Sumbangan Shaykh ‘Abd Al-Ṣamad Al-Falimbānī dalam Bidang Ḥadīth: Analisis Metodologi Penyusunan dan Takhriḥ Ḥadīth dalam *Kitāb Hidāyah al-Sālikīn*”, (Disertasi, Jabatan Al-Qur’an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 57.

<sup>72</sup>Rujuk manuskrip *Hidāyah al-Sālikīn*, PMM-PNM, MSS 3150.

<sup>73</sup>Khader bin Ahmad (2007), *op. cit.*, h. 70-71.

<sup>74</sup>Mohd Shazali bin Ali (2004), “Karya Shaykh ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī bertajuk *Hidāyah al-Sālikīn* dan Penggunaannya di Masjid-Masjid Negeri Selangor (Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 116.

Rentetan daripada munculnya tulisan dalam bidang-bidang yang telah disebut oleh penulis sebelum ini, penulisan manuskrip telah berkembang kepada cerita mengenai Nabi Muhammad, cerita para *anbiyā'* dan tokoh-tokoh Islam untuk menguatkan keimanan terhadap agama Islam.

Perkembangan ini bertambah pesat disebabkan aspirasi pemerintah atau raja-raja Melayu di Nusantara yang berminat dalam mempelajari agama Islam seterusnya memberi kesan terhadap perkembangan dalam bidang kesusasteraan atau manuskrip Melayu, terutamanya pada zaman kesultanan Melaka, kesultanan Aceh, kerajaan Riau-Lingga, kerajaan Patani dan Kelantan. Pada zaman kesultanan Melaka, raja-raja Melaka seperti Sultan Mahmud Syah dan Sultan Mansur Syah amat berminat dalam mendalami ilmu agama sehinggalah Melaka berkembang menjadi pusat pengetahuan dan kebudayaan Melayu Islam di Kepulauan Melayu. Ini dapat dibuktikan dengan kehadiran sultan Pahang, Kampar dan Inderagiri ke Melaka untuk mempelajari Islam. Selain itu, kesusasteraan Melayu seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* telah dibaca oleh penduduk di Melaka sejak abad ke-15 lagi.<sup>75</sup>

Adapun pada zaman kesultanan Aceh abad ke-17, pemerintah menggalakkan cendekiawan menetap di Aceh untuk menyampaikan ilmu kepada rakyat. Selain itu, pusat pengajian di masjid didirikan untuk rakyat serta pelajar diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke India, Mekah dan Mesir. Justeru, lahirlah penulis-penulis dalam kitab-kitab agama seperti ilmu *taşawwuf*, *ilmu kalam*, falsafah serta karya-karya kreatif kesusasteraan Melayu.<sup>76</sup> Para cendekiawan dari

---

<sup>75</sup>Ismail Hamid (1985), *op. cit.*, h. 29 & 30.

<sup>76</sup>Harun Mat Piah *et al.* (2000), *op. cit.*, h. 46 & 47.

tempat lain di Nusantara, India dan Asia termasuk Parsi, Syria, Mesir dan Mekah juga datang ke Aceh. Ini dapat dibuktikan dengan kedatangan dua orang ulama Islam iaitu ‘Abd al-Khayr bin Shaykh Ibn al-Ḥajr (anak kepada Ibn Ḥajr al-Ḥaythamī) dan Shaykh Muhammad dari Yaman yang datang ke Aceh pada tahun 1582 untuk mengajarkan ilmu kepada rakyat Aceh.<sup>77</sup>

Begitu juga dengan kerajaan Riau-Lingga. Pemerintahnya, Yamtuan Muda Raja Ali telah menggalakkan alim ulama untuk tinggal di Riau dan mengajar agama di situ. Baginda sendiri turut mempelajari agama Islam sehingga menjadi ilmuwan terkemuka dan dilantik mengajar ilmu *ṣaraf, naḥu*, usuluddin, feqah dan *taṣawwuf*. Beliau juga telah menghasilkan karya-karya kesusasteraan Melayu seperti *Tuhfah al-Nafīs, Bustān al-Kātibīn, Kitab Pengetahuan Bahasa* dan sebagainya.<sup>78</sup>

Patani juga memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu Islam. Patani merupakan sebuah kerajaan yang terkemuka di utara Nusantara sejak abad ke-15M. Perkembangan kesusasteraan bermula apabila kesultanan Patani menganut agama Islam di mana perkembangan agama berkembang dengan pesat dan banyak pusat pengajian seperti pondok didirikan serta lahirnya golongan cendekiawan yang rancak dalam bidang penulisan kitab di alam Melayu.<sup>79</sup> Antaranya ialah Dawud bin ‘Abd al-Allāh al-Fatānī, Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fatānī, Zain al-‘Ābidīn bin Muhammad al-Fatānī, Muhammad bin Daud al-Fatānī, Muhammad Nur bin Muhammad Ismā‘īl al-Fatānī dan sebagainya. Karya-karya tersebut telah menjadi

---

<sup>77</sup>*Ibid.*, h. 47.

<sup>78</sup>Ismail Hamid (1985), *op. cit.*, h. 32 dan Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani (2002), *op. cit.*, h. 13.

<sup>79</sup>Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani (2002), *Ibid.*, h. 14.

bahan bacaan dan tersebar ke seluruh Nusantara.<sup>80</sup> Akhir sekali, perkembangan di Kelantan telah melahirkan tokoh-tokoh ilmu yang mendapat pendidikan dari Patani dan Timur Tengah. Antaranya Haji Wan Ali Kutan bin Abdul Rahman al-Kelantānī,<sup>81</sup> Tuan Tabal<sup>82</sup>, Tok Bachok<sup>83</sup> dan sebagainya. Mereka telah bergiat dalam bidang pengajaran penulisan sastera kitab.<sup>84</sup>

Selain daripada faktor aspirasi pemerintah di Nusantara yang berminat dalam mempelajari agama Islam, terdapat juga beberapa institusi yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan manuskrip Melayu ini. Antaranya ialah istana di mana ia menjadi pusat perkembangan ilmu, pusat karang-mengarang dan salin-menyalin. Sebagai contoh, istana Melaka banyak menghasilkan teks yang akan menjadi panduan bagi raja-raja Melaka dalam menjalankan pentadbiran mereka seperti

---

<sup>80</sup>Harun Mat Piah *et al.* (2000), *op. cit.*, h. 51&52.

<sup>81</sup>Beliau dilahirkan pada tahun 1837M di Kutan, Pasir Pekan dan meninggal dunia di Mekah lebih kurang tahun 1912M. Beliau adalah seorang ulama yang mahir dalam bidang *taṣawwuf* dan Uṣūl al-Dīn. Beliau juga sering mengajar di Masjid al-Haram dan sempat meninggalkan pusaka buku-buku yang dikarangnya kepada generasi kemudian. Buku-buku ini antaranya ialah *Jauhar al-Mauḥūb*, *Zahrah al-Murīd*, *Majmū' al-Qaṣā'id*, *Lum'at al-Aurād* dan lain-lain. Rujuk Nik Abdul Aziz Nik Hasan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulamak di Kelantan*, Kelantan: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, h. 37 & 38, Ismail Awang (1988), *op. cit.*, h. 78 dan Abdul Rahman al-Ahmadi (1966), *Pengantar Sastera*, Kelantan: Pustaka Aman Press, h. 162.

<sup>82</sup>Nama penuh beliau ialah Haji 'Abd al-Ṣamad bin 'Abdul Salleh al-Kelantānī. Beliau dilahirkan lebih kurang pada tahun 1840 dan meninggal pada tahun 1891. Beliau adalah seorang ulama yang mahir dalam bidang Feqah, Usuluddin dan *taṣawwuf*. Namun kemahiran beliau menonjol dalam bidang *taṣawwuf*. Antara karya karangan beliau ialah *Bab Harap*, *Muhyah al-Ahli al-Awbah fī Bayān al-Tawbah* dan *Munabbih al-Ghāfilīn* dalam bidang *taṣawwuf*, *Minḥah al-Qarīb* berkaitan ilmu Usuluddin, feqah dan *taṣawwuf*. Rujuk 'Abd al-Rahmān al-Aḥmādī (1966), *op. cit.*, h. 158, Muhammad 'Uthman El-Muhammady (1972), "Ajaran Tasawwuf Tuan Tabal Dalam Jalā' Al-Qulūb", *Majalah Nusantara*, Bil. 1, Jan 1972, h. 114-133 dan Nik Abdul Aziz Nik Hasan (1977), *op. cit.*, h. 40-41.

<sup>83</sup>Nama sebenar Tok Bachok ialah Haji Uthman bin Haji Muhammad bin Haji Abdul Wahab. Beliau dilahirkan di Kampung Tok Burong, Bachok. Sejak kecil, beliau telah diasuh dan dididik oleh ayahnya dengan didikan agama. Ketika umur belasan tahun, beliau telah dihantar untuk belajar di Kota Bharu dengan Tuan Guru Pak Chik Musa dan Haji Daud. Kemudian beliau menyambung pengajian di Patani dan Mekah. Beliau telah membuka pondok setelah kembali dari belajar setelah kembali ke tanah air. Di pondok tersebut, beliau mengajar kitab *Hikam* dan *Minhaj al-'Abidīn* kepada penduduk kampung di situ iaitu pada hari Selasa dan Jumaat. Beliau telah meninggal dunia pada hari Ahad, 15 Zulkaedah 1372 H / 27 Julai 1953 M, jam 1.05 malam. Rujuk Ismail Awang (1988), *op. cit.*, h. 329-333 & 336.

<sup>84</sup>Harun Mat Piah *et al.* (2000), *op. cit.*, h. 52.

*Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.*<sup>85</sup> Begitu juga dengan kesultanan Aceh, Palembang, Riau dan kesultanan di Semenanjung Tanah Melayu, istana seolah-olah sebagai arkib tempat penyimpanan manuskrip Melayu. Dalam hal ini peranan sultan dan raja amat penting bagi penulisan manuskrip, bahkan bagi sesetengah kesultanan, raja sendiri menjadi penulis.<sup>86</sup>

Selain itu, pondok atau pesantren juga memainkan peranan yang penting dalam penghasilan manuskrip. Ini disebabkan penuntut ilmu yang ramai memerlukan kitab yang banyak. Justeru, muncullah penulis dan pnyalin kitab-kitab agama di pondok. Sejarah sekolah pondok mungkin bermula di Pasai tetapi lebih terkenal apabila kerajaan itu berpusat di Aceh pada penghujung abad ke 16. Pada zaman kegemilangan Aceh, ulama-ulama seperti Hamzah Fansuri, Syams al-Dīn al-Sumatranī, Nūr al-Dīn al-Rānirī dan Shaykh ‘Abd al-Ra’ūf al-Singkel telah banyak menghasilkan kitab-kitab agama. Contohnya Nūr al-Dīn al-Rāniri telah menghasilkan kitab *Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, Shaykh ‘Abd al-Ra’ūf al-Singkel telah menghasilkan kitab tafsir al-Qur’ān *Tarjumān al-Mustafīd* dan kitab feqah, *Mir’āh al-Ṭullāb*.<sup>87</sup>

## **1.2 BENTUK DAN SIFAT MANUSKRIP MELAYU**

Dalam sub topik ini, penulis akan menghuraikan bentuk dan sifat manuskrip Melayu dari segi tulisan, peralatan yang digunakan untuk penulisan manuskrip, seni hiasan dan penjilidan manuskrip. Penulis berasa amat kagum apabila meneliti sesuatu manuskrip Melayu yang mempunyai seni tulisan yang tersendiri. Ia ditulis dengan

---

<sup>85</sup> Abu Hassan Sham (2006), “Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu” (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu di Arkib Negara, 10-11 Julai 2006), h. 43.

<sup>86</sup> *Ibid.*, h. 45.

<sup>87</sup> *Ibid.*, h. 46.

teliti, halus dan cantik. Pelbagai bentuk tulisan Jawi yang terdapat dalam manuskrip Melayu ditulis pada abad ke-17 hingga abad ke-19 Masihi. Contohnya manuskrip *Kitāb Khalq Samāwāt wa al-Ard* (MSS 1517 A) bertarikh 1679M yang menjadi manuskrip tertua dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia. Manuskrip ini ditulis menggunakan tulisan yang mempunyai kaitan dengan khat *Nasta'liq*, suatu bentuk tulisan yang banyak digunakan di Parsi dan India. Manakala kitab *Kifāyah al-Awwām* (MSS 1144) bertarikh 1843M ditulis dalam tulisan yang banyak persamaan dengan khat *Riq'ah*.<sup>88</sup>

Sebahagian besar tulisan Jawi dalam manuskrip ditulis dengan cermat dalam tulisan khat *Nasakh*. Khat ini adalah tulisan yang amat popular dalam kalangan masyarakat Islam kerana ia merupakan tulisan tangan yang jelas, cantik, mudah dibaca dan ditulis. Namun, tulisan berkenaan kebiasaannya tidak memenuhi sepenuhnya ciri-ciri khat *Nasakh*, seperti huruf *sin* yang lazimnya ditulis tanpa gigi, huruf *hā'* pada akhir perkataan tidak ditulis penuh dan titik dua dan tiga pada huruf ditulis dalam bentuk garis sahaja.<sup>89</sup>

Mengenai peralatan tulisan manuskrip, permukaan batu dan pahat merupakan peralatan terawal yang digunakan. Selain itu, bahan lain turut digunakan seperti buluh, kulit kayu dan kulit binatang.<sup>90</sup> Namun, setelah datangnya Islam ke alam Melayu ia ditulis di atas kertas, dakwat dan pena. Hampir semua manuskrip Melayu ditulis pada kertas. Pada zaman permulaan Islam, alat tulis utama masyarakat Arab-Islam ialah kulit binatang dan *papyrus*. Namun, pada pertengahan abad ke-8, kertas

---

<sup>88</sup>Wan Ali Wan Mamat (1996), "Stail Tulisan Tangan dalam Manuskrip Melayu", dalam Shahar Banun *et al.* (ed.), *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 5, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 107

<sup>89</sup>*Ibid.*, h. 107

<sup>90</sup>*Katalog Pameran Manuskrip Melayu Antarabangsa* (1995), *op. cit.*, h. 1&2.

telah diperkenalkan kepada dunia Islam sebagai alat tulis orang Cina. Beberapa orang Cina yang menjadi tawanan perang semasa peperangan dengan angkatan Islam di tebing Sungai Tharaz, Turkistan pada tahun 751 mempunyai kemahiran membuat kertas. Daripada merekalah dunia Islam mula membina industri kertas, menggunakan bahan mentah pohon *flax*.<sup>91</sup> Ia juga di buat daripada pokok *saeh* (Broussonetia Papyrifera). Cara membuatnya ialah selepas kulit kayu pokok berkenaan diperolehi, ia direndam dalam air selama satu malam untuk melembutkannya. Seterusnya kulit kayu itu dipukul dengan alat yang biasanya diperbuat daripada tembaga. Untuk mendapatkan kertas yang tebal dan kuat, beberapa keping kulit kayu itu ditindih dan dipukul sehingga menjadi satu helaian. Seterusnya helaian yang dipukul itu akan direndam semula, dibasuh dan dijemur. Setelah itu dibalut pada batang pisang, digilap dengan bahan yang sesuai dan barulah digunakan untuk menulis.<sup>92</sup>

Manakala dakwat yang digunakan dalam tulisan manuskrip Melayu ada yang diimport dari luar negara dan ada yang dibuat oleh penduduk tempatan. Dakwat yang diimport dari luar negara ialah dari Arab, India dan China. Dua jenis dakwat yang digunakan orang Islam iaitu *dudu* dan *hibr*. *Dudu* diperbuat daripada habuk hitam (abu) yang dicampurkan dengan gam madu dan bahan-bahan lain. Sementara *hibr* pula diperbuat daripada tempurung kelapa. Jenis yang kedua ini datangnya daripada negara Arab kerana perkataan *hibr* berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud dakwat. Ia dibawa ke alam Melayu melalui para mubaligh dan pedagang. Adapun dakwat dari negara China turut digunakan dan menjadi terkenal di beberapa daerah.<sup>93</sup> Misalnya penduduk di Moluccas pada tahun 1544M dilaporkan menggunakan

---

<sup>91</sup>Wan Ali Wan Mamat (2002), *Persiapan untuk Kerja Menulis Manuskrip*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 27.

<sup>92</sup>Wan Ali Wan Mamat (1988), *Pemeliharaan Buku dan Manuskrip*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 13&14.

<sup>93</sup>Mahayudin Yahaya (2000), *op. cit.*, h. 10-11.

dakwat China. Dakwat tersebut diletakkan di dalam kotak kayu yang halus di mana keadaannya keras dan berwarna hitam. Ia dicampurkan dengan air apabila hendak digunakan.<sup>94</sup>

Manakala dakwat yang dibuat oleh penduduk tempatan pula menggunakan pelbagai bahan seperti jelaga, arang batu dan sebagainya. Terdapat beberapa rekod tentang teknik pembuatan dakwat hitam oleh masyarakat Melayu pada zaman silam. William Marsden, seorang pegawai pentadbiran British di Bangkahulu, Sumatera Barat dalam bukunya *History of Sumatra* ada mencatatkan bahawa dakwat diperbuat daripada campuran jelaga dan telur putih.<sup>95</sup> Jelaga adalah bahan paling utama dalam pembuatan dakwat hitam. Pada awal abad ke-20, dakwat hitam kebiasaannya dibuat sendiri oleh penuntut yang belajar pondok di Kelantan. Tiga sumber utama untuk memperoleh jelaga ialah asap pelita ayam, sarang labah-labah lama dan jelaga yang terdapat pada periuk. Bahan-bahan tersebut boleh didapati dengan mudah di sekitar rumah Melayu Tradisional. Arang batu tersebut perlu ditumbuk sehingga lumat menjadi debu sebelum digunakan untuk membuat dakwat hitam. Manakala sarang labah-labah mempunyai kuasa pelengkap untuk menghasilkan dakwat hitam yang bermutu.<sup>96</sup> Selain dakwat berwarna hitam, masyarakat Melayu juga menggunakan dakwat berwarna seperti dakwat warna merah, kuning, biru, hijau dan sebagainya. Dakwat merah sebagai contoh, ia digunakan terutamanya bagi menulis ayat-ayat al-Qur'ān, permulaan bab dan rangkai puisi ataupun perkataan-perkataan penting dalam sesuatu teks. Penggunaan dakwat merah ini banyak membantu pembaca manuskrip dalam mengenali permulaan bab kerana manuskrip Melayu pada umumnya ditulis

---

<sup>94</sup>H. Jacobs (1971), *A Treatise on the Moluccas [c.1544 : Probably The Preliminary Version of Antonio Galvao's Lost Historia Das Molucas]*, Rome: Jesuit Historical Institute, h. 123.

<sup>95</sup>William Marsden (1966), *The history of Sumatra*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 182.

<sup>96</sup>Wan Ali Wan Mamat (2002), *op. cit.*, h. 30.



secara berterusan tanpa perenggan. Dakwat merah juga dijadikan sebagai hiasan manuskrip pada halaman hadapan, belakang dan bingkai halaman.<sup>97</sup> Dakwat berwarna ini diperoleh daripada pokok-pokok tertentu seperti lembayung untuk dakwat berwarna ungu, kulit manggis untuk warna coklat dan kesumba untuk warna merah.<sup>98</sup>

Seterusnya alat tulis yang ketiga ialah pena atau *kalam* yang diperbuat daripada batang pokok. Terdapat dua jenis pena yang digunakan iaitu *pena resam* dan *pena kabung*. *Pena resam* berasal dari batang pokok resam di mana batangnya kukuh dan mudah diraut menjadi mata pena yang halus dan tahan lama. Oleh kerana pokok resam banyak tumbuh dan mudah didapati, maka *pena resam* adalah lebih popular. *Pena kabung* pula berasal daripada pelbagai pokok palma, terutamanya enau dan kabung.<sup>99</sup> Duri kabung amat keras, panjangnya kira-kira satu meter melilit pada batang pokok tersebut. Duri yang lebih tua terdapat pada bahagian bawah batang pokok menjadi pilihan untuk membuat pena. Selepas dipotong pada saiz yang dikehendaki, iaitu salah satu daripada hujungnya dipotong serong dan diraut untuk dijadikan mata pena. Oleh kerana duri ini amat keras, ia perlu kerap dipertajamkan dan perlu kerap dicelup ke dalam bekas dakwat semasa menulis kerana ia tidak dapat menyerap dakwat.<sup>100</sup> Malah, ia menjadi penghalang kepada jurutulis untuk menghasilkan tulisan yang cantik kerana penanya yang keras.<sup>101</sup>

Selain *pena kabung* dan *pena resam*, masyarakat Melayu juga menggunakan *pena bulu* untuk menulis manuskrip. Pena ini diperbuat daripada bulu binatang

---

<sup>97</sup>*Ibid.*, h. 31.

<sup>98</sup>Siti Mariani S. M. Omar (2002), *Manuskrip Melayu Satu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, h. 14.

<sup>99</sup>*Ibid.*, h. 14.

<sup>100</sup>Wan Ali Wan Mamat (2002), *op. cit.*, h. 32.

<sup>101</sup>Siti Mariani S. M. Omar (2002), *op. cit.*, h. 14.

seperti angsa, itik dan burung helang. Biasanya bulu pelepah yang terdapat di bahagian hujung sebelah bawah bulu itu dipotong serong dan diraut halus untuk dijadikan mata pena. Pena ini perlu dipertajamkan selalu kerana ia mudah kering dan mungkin disebabkan orang Melayu jarang menggunakan pena tersebut.<sup>102</sup>

Manakala seni hiasan manuskrip dikenali sebagai *iluminasi dan ilustrasi*. *Iluminasi* ialah perkataan bahasa Inggeris *illumination* yang berasal daripada perkataan Latin iaitu *illuminare* yang bermaksud ‘menerang atau menghias’.<sup>103</sup> Manakala *ilustrasi* bermaksud hiasan dengan lukisan yang terdapat dalam buku, majalah dan sebagainya.<sup>104</sup> Menurut Najibah Ghasali yang mengkaji tentang seni hias dan kaligrafi dalam manuskrip-manuskrip Melayu lama, seni hias yang paling menonjol dalam manuskrip Melayu ialah bingkai berhias yang mengelilingi teks pada sepasang halaman bertentangan. Terdapat dua jenis bingkai yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza.<sup>105</sup> Ia adalah perkara yang dilakukan oleh *muḍāhib* (orang yang menghias manuskrip) dalam memperindahkan al-Qur’ān. Perkara ini di luar daripada teks al-Qur’ān itu sendiri. Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada aspek-aspek luaran dalam pembentukan sebuah manuskrip al-Qur’ān berhias.<sup>106</sup> Menurut beliau lagi, terdapat seni hias gaya Aceh dan gaya Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang berbeza seninya. Selain itu, aspek seni hias juga melibatkan seni kaligrafi yang melibatkan tulisan khat khususnya dalam penulisan al-Qur’ān<sup>107</sup>

---

<sup>102</sup> Wan Ali Wan Mamat (2002), *op. cit.*, h. 32.

<sup>103</sup> Joyce M. Hawkins (2006), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, Edisi Ke-4, Shah Alam, Oxford Fajar Sdn. Bhd., h. 199.

<sup>104</sup> Teuku Iskandar *et al.* (1984), *Kamus Dewan*, c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 412.

<sup>105</sup> Najibah Ghasali (2007), “Seni Hias dan Kaligrafi: Kajian Terhadap Manuskrip-manuskrip Melayu Lama” (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 33-34.

<sup>106</sup> Dzul Haimi Md. Zain *et al.* (2007), *Ragam Hias Al-Qur’an di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 13.

<sup>107</sup> Najibah Ghasali (2007), *op. cit.*, h. 37-50.

Manakala warkah daripada atau kepada sultan kebiasaannya ia akan dihias indah dengan menggunakan air emas dan dakwat yang terang serta pelbagai warna. Selain itu, ilustrasi terdapat pada halaman awal manuskrip dan juga pada halaman akhir manuskrip di mana ia akan dihias dengan lukisan awan larat, lingkaran daun dan bunga menggunakan dakwat merah, kuning, biru, hijau dan ungu.<sup>108</sup>

Seni hiasan juga menggunakan hiasan berbentuk bingkai. Hiasan ini boleh didapati pada sebahagian besar naskhah Nusantara dan naskhah-naskhah Minangkabau yang berfungsi sebagai pembingkai teks agar teks nampak lebih fokus, indah dan menarik. Hiasan bingkai tersebut dapat dibezakan kepada dua iaitu *bingkai biasa* dan *bingkai berhias*. *Bingkai biasa* merupakan hiasan yang membingkai teks yang hanya terdiri daripada garis-garis lurus atau yang disebut dengan istilah bingkai teks gaya empat sisi.<sup>109</sup> Manakala *bingkai berhias* merupakan hiasan yang membingkai teks yang dibentuk oleh garis-garis lurus, garis-garis lengkung dan motif-motif tertentu seperti geometri dan tumbuhan. *Bingkai berhias* ini umumnya dimiliki oleh naskhah-naskhah yang teksnya mengandungi ayat al-Qur'ān dan ia bukan sahaja dijumpai pada naskhah-naskhah keagamaan malah bukan berbentuk keagamaan seperti teks undang-undang.<sup>110</sup>

Selain itu, manuskrip juga menggunakan teknik penjilidan untuk melindungi, mengumpulkan dan memudahkan simpanan bahan penulisan. Menurut kamus Dewan, jilid bermaksud jahitan buku dan penjilidan pula bermaksud kerja-kerja menjilid seperti menyusun helaian-helaian (buku dan sebagainya) dan menjahitnya

---

<sup>108</sup>Siti Mariani S. M. Omar (2002), *op. cit.*, h. 20.

<sup>109</sup>Zuriati (2010) "Illuminasi Naskhah-Naskhah Minangkabau", dalam Siti Aishah Sheikh Ab. Kadir *et al.* (ed.), *Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 17, h. 53.

<sup>110</sup>*Ibid.*, h. 54.

sehingga berbentuk buku.<sup>111</sup> Manuskrip dijilid dengan kulit haiwan, kulit kayu, kain dan ada juga bulu kambing. Jilidan yang menggunakan kulit haiwan sering dihias dengan cap berbunga yang kadangkala menggunakan dakwat emas. Adapun seni penjilidan tradisional yang menarik dan unik ialah jilidan yang mempunyai kelepek yang mungkin digunakan sebagai penanda buku.<sup>112</sup>

Kesimpulannya, penulis mendapati bahawa alam Melayu telah mencapai ketamadunannya yang tersendiri setelah kedatangan Islam. Ini dapat dilihat dengan kewujudan manuskrip-manuskrip yang melambangkan keintelektualan masyarakat Melayu ketika itu. Kewujudan manuskrip-manuskrip itu juga berkait rapat dengan usaha dakwah dan pendidikan Islam yang telah dilakukan oleh cendekiawan dan ulama-ulama alam Melayu. Mereka menitik beratkan catatan yang boleh dirujuk dan ditelaah oleh para pelajar mereka dan juga masyarakat. Sebab itulah pentingnya usaha memelihara dan memulihara manuskrip-manuskrip yang sedia ada untuk dijadikan tatapan dan kajian generasi akan datang.

---

<sup>111</sup> Noresah bt. Baharom *et al.* (2007), *op. cit.*, h. 632.

<sup>112</sup> Siti Mariani S. M. Omar (2002), *op. cit.*, h. 20.